Isu Keretapi Laju KL - Singapura Timbul Lagi

Oleh : PENULIS POLITIK

NAMPAKNYA Syarikat YTL masih mengharap kan agar projek ***Bullet Train*** atau Keretapi Laju yang akan beroperasi dari Kuala Lumpur ke Singapura di luluskan oleh Kerajaan.

Sebelum ini banyak pihak membangkang kepada cada ngan tersebut kerana ia hanya akan menguntungkan pi hak-pihak tertentu sahaja seperti syarikat YTL.

Untuk menguatkan lagi kepada cadangan itu, YTL dikatakan telah melantik menantu Pak Lah, Khairy Jama luddin sebagai Pengarah dalam salah satu syarikat di bawah YTL Corporation. Ini dilakukan agaknya de ngan niat menggunakan pe ngaruh dan hubungan ra pat Khairy dengan Pak Lah. Tetapi apa yang lebih penting ialah UMNO melalui Majlis Ter tinggi harus membincangkan terlebih dahulu tentang buruk baiknya projek ini kepada rakyat dan nega ra.



Khairy Jamaluddin... dilantik sebagai Pengarah dalam salah satu syarikat di bawah YTL Corporation.

Pihak EPU juga mestilah telus menjalankan tugas-tugas mereka supaya tidak 'di beli' oleh mana-mana pi hak tertentu supaya memberi sokongan penuh kepada pro jek tersebut untuk diteruskan.

Mereka mendesak pihak Kerajaan supaya memikirkan semula dengan teliti cadangan dari YTL untuk membina projek ***Bullet Train*** itu.

Sementara itu, ***ERA BARU*** telah mene rima banyak panggilan telefon yang memban tah ke atas cadangan YTL itu, sebaliknya me reka mahu melihat Keretapi Tanah Melayu (KTM) diperbaiki prestasinya untuk menarik lebih ramai lagi penumpang-penumpang menggunakan perkhidmatan KTM.



Kerajaan Digesa Batalkan Pembinaan 'Bullet Train'

Shahrir takes aim at high-speed train

YTL mahu kemuka syor kereta api laju ke Singapura

Mana lebih penting, Rawang-Ipoh atau Kuala Lumpur-Singapura?

< Keratan akhbar *'Era Baru'* bertarikh 20 April 2007 yang menggesa kerajaan membatalkan projek *'Bullet Train'*